

Dua sekawan masing-masing dipenjara 9 tahun, tiga sebatan kerana merompak

KUCHING: Dua sekawan masing-masing dijatuhi hukuman penjara sembilan tahun berserta tiga sebatan di Mahkamah Sesyen semalam, selepas mengaku bersalah melakukan rompakan berkumpulan dan bersenjata di sebuah rumah di Jalan Taiton, Bau, sehingga mengakibatkan kerugian sekitar RM130,000.

Akmal Najmuddin Jeperidin, 32, dan Horyezad Hosen, 24, membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Noorhisham Mohd Jaafar sebaik didakwa mengikut Seksyen 395 Kanun Keseksan dibaca bersama Seksyen 397 kanun sama.

Seksyen berkenaan memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan boleh disebat jika sabit kesalahan.

Mengikut pertuduhan, dua sekawan itu didakwa melakukan kesalahan berkenaan sekitar jam 2 petang pada 9 Ogos 2025 di sebuah rumah di Jalan Taiton, Bau.



DIHUKUM: Dua sekawan tersebut diiring polis keluar dari kamar Mahkamah Sesyen di Kuching, semalam setelah selesai sebutan kes.

Berdasarkan fakta kes, pemilik rumah iaitu lelaki berusia 69 tahun menyatakan bahawa dia berada di rumah pada hari kejadian sebelum didatangi dua orang lelaki bertopeng, dengan seorang daripada mereka memegang sebilah parang.

Semasa kejadian, mangsa bersama isterinya, anak lelaki dan cucu perempuan telah diikat menggunakan pita pelekat pada bahagian pergelangan tangan dan mulut.

Lelaki-lelaki berkenaan kemudian masuk ke bilik tidur mangsa dan mengarahkan mangsa membuka peti besi.

Mangsa enggan dan ini menyebabkan salah seorang daripada mereka menendangnya di bahagian pinggang.

Selepas itu, salah seorang daripada lelaki tersebut menemui kunci peti besi dan membukanya sebelum mengambil wang tunai berjumlah kira-kira RM100,000 milik mangsa.

Selain daripada wang tunai, antara barangan yang dirompak adalah seutas rantai warna emas milik anak lelaki mangsa, satu bentuk cincin warna emas milik mangsa dan seutas rantai warna emas milik cucu mangsa.

Turut dirompak adalah dompet milik mangsa yang mengandungi dokumen peribadi dan kad ATM, wang tunai sebanyak RM800 serta dua buah telefon bimbit milik mangsa dan isteri.

Laporan polis dibuat dan kedua-dua tertuduh ditangkap pada dua tarikh berasingan iaitu pada 7 dan 12 November 2025.

Hasil siasatan mendapati dua sekawan tersebut telah merompak rumah mangsa dengan bersenjatakan parang dan selepas kejadian, mereka telah melupuskan barang kes.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Adriana Maisarah Mohamad Farid sementara dua sekawan tidak diwakili peguam.